

'MPI' PYRIDOXINE TABLETS 10MG

Pyridoxine Hydrochloride (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg
2. Bagaimana 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg berfungsi
3. Sebelum menggunakan 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg
4. Cara menggunakan 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg
5. Semasa menggunakan 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg

Ia digunakan sebagai suplemen kesihatan.

Bagaimana 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg berfungsi

Pyridoxine hydrochloride membantu dalam metabolisme protein, karbohidrat dan lemak.

Sebelum menggunakan 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alergi kepada pyridoxine hydrochloride atau kandungan lain dalam 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg.
- ### - Sebelum mula menggunakan 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg
- Anda harus memberitahu doktor anda jika:
- anda alergi terhadap sebarang ubat yang anda pernah ambil untuk merawat keadaan semasa anda.
 - anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung, mungkin mengandung atau sedang menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda harus beritahu doktor anda sekiranya anda sedang mengambil Levodopa, sejenis ubat yang digunakan dalam rawatan penyakit Parkinson.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg

'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg hendaklah ditelan sepenuhnya dan bukan untuk dikunyah.

- Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa untuk dewasa: 1-2 biji ubat setiap hari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

3 minggu diikuti dengan multivitamin atau mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Pengambilan 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg dalam dos yang tinggi (lebih daripada 2g setiap hari) untuk jangka panjang (2 bulan atau lebih) telah dikaitkan dengan masalah saraf, bermula dengan gaya jalan yang tidak stabil dan kebas pada kaki hingga kekebasan dan kecuai tangan.

Semasa menggunakan 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Hubungi doktor jika simptom anda bertambah buruk atau tidak bertambah baik.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai

simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccine (AEFI)*]

Cara penyimpanan dan pelupusan 'MPI' Pyridoxine Tablets 10mg

- Penyimpanan
Jangan guna selepas tarikh luput yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan di dalam bungkusan asal atau bekas berwarna ambar. Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya, haba dan kelembapan.

Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi

rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Tablet rata yang berwarna putih, berbentuk bulat dengan ukuran diameter 6mm dan tanda logo 'MPI'.
- Bahan-bahan kandungan
 - Bahan aktif:
Pyridoxine hydrochloride
 - Bahan tidak aktif:
Lactose, corn starch, colloidal silicone dioxide dan magnesium stearate.
- Nombor MAL:
MAL20034563XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn Bhd.
Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

25/08/2025

Nombor Siri

NPRA(R4/1)280219/00062